

Tumpahan minyak punca beberapa kenderaan terbabas di Putrajaya

Oleh Zuid Samson

13 September 2023, 3:38 pm

Berita yang baru sahaja kami terima, beberapa buah kenderaan mengalami kemalangan di sebuah jalan di Presint 15, Putrajaya akibat simbahan minyak.

Simbahan minyak di atas jalan yang berkemungkinan dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab tersebut menyebabkan beberapa buah kenderaan dan motorsikal yang melalui jalan itu hilang kawalan dan terbabas.

Orang ramai yang menghala ke Presint 15 dan Presint 16 dinasihatkan agar berhati hati melalui jalan tersebut daripada IOI City Mall.